

## Jenis dan Istilah Hadis dalam Jami' Al-Turmudhī: Satu Kajian

AHAMAD ASMADI BIN SAKAT

### Abstrak

*Kajian ini ditulis untuk memaparkan kategori dan istilah Hadis yang terdapat dalam kitab Jāmi' karya al-Turmudhī dan metodologi yang diaplikasikan untuk membezakan jenis-jenis Hadis. Kajian ini membuktikan ketokohan beliau dalam bidang Hadis dan keberaniannya mengemukakan istilah-istilah baru yang belum pernah ditulis oleh para Muhaddithīn sebelumnya serta menggambarkan ketokohnya dalam mempraktikkan istilah-istilah 'Ulūm al-Ḥadīth. Kajian ini menjadi pengantar kepada pengguna kitab al-Jāmi' al-Turmudhī.*

### Abstract

*This study is to present the categories and terminologies of the Prophetic tradition used in Jāmi' by al-Turmudhī and the methodology that he applied to differentiate those categories and terminologies. This study clearly proves his authority and scholarship in the Prophetic tradition studies as well as his bravery in introducing the new terminologies, unknown among the earlier Muslim traditionists. Hence al-Turmudhī is a learned and erudite Muslim traditionist due to his contributions to the Prophetic tradition studies. This study is an introduction to Jāmi' by al-Turmudhī.*

### MUKADIMAH

Dalam kitab *al-Jāmi'*<sup>1</sup> oleh Imam al-Turmudhī<sup>2</sup> terdapat pelbagai jenis dan kategori hadis, sama ada *Ṣaḥīḥ* dan tidak *Ṣaḥīḥ*. Bagaimanapun beliau berusaha mengkategorikannya kepada tiga martabat; *Ṣaḥīḥ*<sup>3</sup>, *Ḥasan*<sup>4</sup> dan *Ḍa'īf*<sup>5</sup>. Keadaan ini menjadi faktor utama mengapa kitab *al-Jāmi'*<sup>6</sup> lebih menonjol berbanding dengan kitab Sunan Ibn Mājah, Sunan Abū Dāwūd, al-Nasā'ī dan sebagainya, kecuali *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* (al-Dhahabī, 1900, 13: 270-271).

Pada masa yang sama, terdapat juga di dalamnya pelbagai jenis *Sanad* hadis, sehingga muncul pelbagai istilah yang digunakan oleh al-Turmudhī dalam kitab *Jāmi'*<sup>7</sup>nya, yang menjadi perbincangan para ulama terutama mengenai martabat hadis. Fenomena ini mengakibatkan timbulnya perselisihan penafsiran di kalangan mereka mengenai maksud daripada istilah-istilah yang diutarakannya.

Oleh yang demikian, penulis cuba mengkaji jenis-jenis hadis dan istilah-istilah yang digunakan oleh Imam al-Turmudhī serta definisinya.

#### Biodata Imam al-Turmudhī

Kurun ketiga Hijrah merupakan tahun keemasan dalam sejarah ilmu Islam. Pada masa itu Abū 'Isa al-Turmudhī dilahirkan. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang baik di Turmuz. Tetapi ahli sejarah tidak mencatatkan kepada kita mengenai latar belakang beliau secara terperinci. Begitu juga bagaimana bermulanya beliau menceburi bidang ilmu sehingga berlaku perselisihan ulama dalam permasalahan sejarah beliau.

Nama beliau ialah Muḥammad ibn 'Isa ibn Sawrah ibn Mūsā ibn al-Ḍaḥḥāk, Abū 'Isa al-Sulamī al-Ḍarīr al-Būghī al-Turmudhī. Perkataan al-Sulamī dinisbahkan kepada Bani Sulaym ialah satu kabilah Qays 'Aylan. Al-Būghī pula dinisbahkan kepada Būgh iartu satu pekampungan di Turmuz. Abū 'Isa dinasabkan kepada kampung ini kerana beliau wafat dikampung ini. Walau bagaimanapun beliau lebih terkenal dengan nisbah Turmuz yang merupakan bandar tempat beliau dibesarkan di utara Parsi (Iran) (al-Dhahabī 1990, 13: 270-271).

Imam al-Turmudhī merupakan seorang tokoh ahli hadis dan boleh pula dianggap sebagai ahli fiqh (faqih). Ahli sejarah tidak menulis tarikh kelahiran beliau, namun sepakat mengatakan tarikh kewafatannya pada tahun 279H. Mengikut al-Dhahabī beliau wafat ketika berumur sekitar tujuh puluh tahun. Ini menunjukkan beliau lahir pada tahun 209H (al-Dhahabī 1990, 13: 270-271).

Imam al-Turmudhī mempelajari ilmu hadis daripada guru-guru di negaranya dan guru-guru di Khurasān, antaranya Ishāq bin Rāhūyah dan Muḥammad bin 'Amr al-Sawwāq. Selepas itu beliau terus merantau ke 'Irāq dan Ḥijaz untuk mendalami ilmu hadis. Beliau meninggalkan banyak karya, antaranya yang terkenal ialah kitab *al-Jāmi'* atau yang dikenali dengan *Sunan al-Turmudhī* (Nūr al-Dīn 'Itr 1988: 23).

#### Pengenalan Kitab *Jāmi'* karya al-Turmudhī

Kitab *al-Jāmi'* atau *Sunan al-Turmudhī* merupakan salah sebuah kitab hadis atau rujukan hadis nabawi, disusun mengikut bab-bab fiqh yang di dalamnya terdapat hadis-hadis yang *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* dan sebaliknya. Imam al-Turmudhī menentukan darjat hadis selepas menyebut hadis berkenaan sama ada *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* atau *Da'if*, menyebabkan kitab

beliau terkenal kerana mempunyai pelbagai tajuk yang penting iaitu al-Tahārah, al-Ṣalāh, al-Zakāh, al-Ṣawm, al-Ḥajj, al-Janā'iz, al-Nikāh, al-Raḍā', al-Ṭalāq, al-Buyū', al-Diyāt, al-Aḥkām (al-Qaḍā'), al-Ḥudūd, al-Ṣayd, al-Adāhi, al-Nudhur wa al-Aymān, al-Siyar, al-Jihād, al-Waṣāya, al-Libās, al-Aṭ'imah, al-Ashribah, al-Bir wa al-Ṣilah, al-Ṭibb, al-Farā'id, al-Walā' wa al-Hibah, al-Qadr, al-Fitan, al-Ru'ya, al-Shahādah, al-Zuhd, Ṣifah al-Jannah, Ṣifah Jahannam, al-Īmān, al-ʿIlm, al-Isti'dhān, al-Adab, al-Amthāl, Faḍā'il al-Qur'ān, al-Qira'āt, al-Tafsīr, al-Da'awāt, al-Manāqib dan al-ʿIlal (Nūr al-Dīn 'Tir 1988: 49).

Penyusun kitab-kitab hadis, pada umumnya, menamakan tajuk bab sebagai *tarjamah* dan membahagikan *tarjamah-tarjamah (tarājim)* itu kepada dua bahagian seperti di bawah:

- a. *Tarajum ʿAmmah* (Tajuk-tajuk yang berbentuk umum)

Di bawah *tarājim* umum ini terdapat bab-bab kecil seperti sembahyang dan zakat seperti; kitab al-Tahārah daripada Rasulullah s.a.w.

- b. *Tarājim Juz'iyah* (Tajuk-tajuk kecil).

Sementara *tarājim* kecil pula diletakkan untuk satu masalah tertentu seperti, bab *fadl la hawla walā quwwata illā billāh*. Walau bagaimanapun keadaan di atas berbeza dengan penggunaan Imam al-Turmudhi di mana beliau menamakan bab besar sebagai *abwāb* sebagai ganti kepada lafaz *kitāb*.

#### Jenis-Jenis Hadis Dalam Kitab Jāmi' al-Turmudhi

Para ulama hadis membahagikan jenis-jenis hadis dalam kitab Jāmi' kepada empat bahagian:

- a. Hadis yang *Sahih* secara pasti. Iaitu hadis yang menepati syarat al-Bukhārī dan Muslim.
- b. Jenis hadis yang mengikut syarat Abū Dāwūd dan al-Nasā'ī.
- c. Jenis hadis yang dikemukakan sebagai perbandingan dalam masalah khilafiah. Ini berlaku apabila Imam al-Turmudhi dalam sesuatu permasalahan fiqh mengemukakan dalil mazhab yang *rājih*, kemudian menyebut dalil mazhab yang menyanggahnya. Selepas membandingkan antara keduanya, barulah beliau menyebutkan *ʿIlal al-Ḥadīth*.<sup>6</sup>
- d. Jenis hadis yang dikemukakan oleh sebahagian fukaha (al-Maqdisī, 1957: 13).

Syarat Imam al-Turmudhī dalam memilih hadis dalam kitab Jāmi'nya begitu luas. Beliau turut mengemukakan semua hadis yang diamalkan oleh seseorang fakih. Oleh itu kitabnya mengandungi hadis *al-Ḍa'īf*, *al-Mu'allaḥ*<sup>7</sup> dan *al-Ṣaḥīḥ*. Bagaimanapun beliau juga menjelaskan kedudukan Sanadnya, khususnya hadis-hadis yang mengandungi kecacatan.

#### Kaedah Imam al-Turmudhī dalam Membezakan Jenis-Jenis Ḥadis

Imam al-Turmudhī begitu serius dalam menjelaskan setiap jenis hadis di dalam kitabnya al-Jāmi', terutamanya jika terdapat *'Ilal al-Ḥadīth* di dalamnya. Beliau juga tidak lupa untuk memperjelaskan perihal Sanad dan rawi, seterusnya mengemukakan hukum hadis, sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, *mursal*, *gharīb* dan sebagainya. Begitulah keistimewaan yang dimilikinya dalam membezakan jenis-jenis hadis. Beliau juga menyingkap *'ilal* yang terdapat dalam hadis dengan ungkapan yang mudah dan memuaskan. Oleh itu beliau mendapat perhatian serta pujian daripada para ulama.

Terdapat banyak jenis hadis yang dikemukakan oleh Imam al-Turmudhī dalam Jāmi'nya. Antara jenis-jenis hadis yang sering disebut dalam Jāmi' al-Turmudhī ialah *al-Ṣaḥīḥ*, *al-Ḥasan*, *al-Ḍa'īf*, *al-Gharīb*,<sup>8</sup> *al-Mursal*,<sup>9</sup> *al-Munqati'*,<sup>10</sup> *al-Muḍtarib*,<sup>11</sup> *al-Mu'allaḥ*, *al-Shādh*,<sup>12</sup> *al-Mahfūz*,<sup>13</sup> *al-Munkar*,<sup>14</sup> *al-Ma'rūf*,<sup>15</sup> *al-Mudallas*,<sup>16</sup> *al-Mawqūf*,<sup>17</sup> dan *al-Maqtū'*.<sup>18</sup>

Pembahagian hadis dari sudut diterima dan ditolak, Imam al-Turmudhī membahagikannya kepada tiga bahagian iaitu *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* dan *Ḍa'īf*. Dalam banyak keadaan ditemui bahawa beliau menganggap *al-Gharīb* sebagai hadis *Ḍa'īf* yang terasing daripada jenis *Ḥasan* dan *Ṣaḥīḥ* seperti kata: "هذا حديث عريب" bermaksud: "*Hadis ini merupakan hadis Gharīb*".

Hal ini menunjukkan Imam al-Turmudhī dianggap orang pertama yang membahagikan hadis dalam kitabnya kepada tiga bahagian, iaitu *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* dan *Ḍa'īf*. Ia juga adalah antara kesan pembelajaran daripada ilmu yang diperolehinya menerusi sebahagian gurunya seperti Imam al-Bukharī dan lainnya.

Ketiga-tiga jenis hadis tersebut digunakan dalam kitabnya, sehingga sebahagian ulama berpendapat bahawa ketiga-tiga pembahagian tersebut merupakan hasil ijtihadnya. Hukum hadis berkenaan (*Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* dan *Ḍa'īf*) dalam al-Jāmi' pada kebiasaannya disebut selepas menyebut matan hadis.

Ibn Taymiyyah pernah menegaskan bahawa orang yang pertama memperkenalkan hadis kepada *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* dan *Ḍa'īf* ialah Imam Abū 'Īsā al-Turmudhī. Menurut beliau lagi pembahagian sebegitu tidak diketahui sebelum ini (al-Qāsīmī, 1978: 103).

Ibn Rajab al-Ḥanbalī (w.795H) mengulas bahawa Imam al-Turmudhī membahagikan hadis dalam kitab *Jāmi'*nya kepada tiga iaitu *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* dan *Gharīb*. Menurut beliau lagi, ketiga-tiga sifat hadis ini adakalanya wujud dalam satu hadis, seperti *Ḥasan* (lagi) *Ṣaḥīḥ* (lagi) *Gharīb*. Kadang-kadang berhimpun dua sifat seperti *Ḥasan* (lagi) *Gharīb* atau *Ḥasan* (lagi) *Ṣaḥīḥ*. Terdapat juga satu sahaja sifat yang disebutkan dalam sesetengah hadis seperti *Ṣaḥīḥ* sahaja, *Ḥasan* sahaja atau *Gharīb* sahaja (al-Ḥanbalī, 1987, 2: 574).

Para sarjana menganggap bahawa Imam al-Turmudhī seorang sahaja yang membahagikan hadis seperti di atas. Pendapat ini menurut Ibn Rajab tidak dapat disangkal kerana secara realiti penggunaan ketiga-tiga jenis hadis tersebut masyhur dalam penggunaan *Jāmi'*nya. Sebagai ulasan terakhir, Ibn Rajab menegaskan bahawa usaha membahagikan hadis kepada tiga kategori di atas telah dimulakan oleh Imam al-Bukharī (al-Ḥanbalī, 1987, 2: 574).

Penulis berpendapat bahawa Imam al-Bukharī tidak menyebut secara jelas ketiga-tiga pembahagian berkenaan, tetapi sekadar menyifatkan sebahagian hadis kepada *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* dan *Ḍa'īf*.

Walau bagaimanapun Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa orang yang pertama membahagikan hadis kepada *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan* dan *Ḍa'īf* adalah bermaksud orang yang terawal dalam menyusun pembahagian hadis tersebut. Situasi ini berlaku kerana belum muncul sebuah kitab yang khusus membahagikan hadis-hadis kepada pembahagian tersebut sebelum Imam al-Turmudhī.

#### Istilah-Istilah Jenis Hadis Yang Terdapat Dalam Kitab *Jāmi'* al-Turmudhī

Kewujudan istilah jenis-jenis hadis dalam kitab *Jāmi'* al-Turmudhī menjadi sebab utama mengapa kitabnya istimewa berbanding kitab-kitab hadis yang lain.

Terdapat istilah hukum hadis yang bergabung dengan istilah yang lain, seperti *Ḥasan* (lagi) *Gharīb* dan *Ḥasan* (lagi) *Ṣaḥīḥ*. Istilah-istilah ini sememangnya tidak masyhur penggunaannya di kalangan ulama. Istilah-istilah berkenaan ini hanya diketahui dan digunakan oleh sebahagian guru al-Turmudhī, tetapi mereka tidak menyusun dan menjadikannya dalam sebuah kitab tertentu. Semua ungkapan yang

terdapat dalam kitab al-Jāmi<sup>c</sup> diambil oleh al-Turmudhī daripada para guru beliau.

Imam al-Turmudhī hanya menafsirkan dua sahaja daripada istilah-istilah jenis hadis yang digunakannya dalam Jāmi<sup>c</sup>nya, iaitu *Hasan* dan *Ghārib*. Manakala *Ṣaḥīḥ* tidak ditafsirkan maksudnya, kerana hadis *Ṣaḥīḥ* telah masyhur di kalangan para ulama dan disepakati *jumhur al-Muḥaddithīn*. Syarat yang dipilih bagi menentukan hadis *Saḥīḥ* oleh Imam al-Turmudhī adalah sama menurut Imam al-Shāfi<sup>c</sup>ī (al-Hanbalī, 1987, 2: 576-577). Menurut beliau sesuatu khabar tertentu tidak boleh dijadikan hujah sehingga bertepatan dengan syarat-syarat seperti berikut:

- a. Hendaklah perawi hadis berkenaan seorang yang *thiqah*,<sup>19</sup> diperaku agamanya, terkenal dengan sifat benarnya, berakal waras terhadap apa yang diceritakannya dan mengetahui makna hadis yang diubah lafaznya. Perawi berkenaan hendaklah seorang yang menyampaikan hadis dengan huruf-hurufnya, sebagaimana didengar dan tidak menyampaikan atau menyebutnya menerusi maknanya. Apabila dia menceritakan dengan makna sedangkan dia tidak mengetahuinya, maka barangkali perkara haram boleh bertukar menjadi halal. Apabila perawi tadi menyampaikan hadis dengan lafaz huruf-hurufnya sekali, maka terselamatlah dari perkara-perkara yang dikhuatiri akan mengubah makna hadis.
- b. Hendaklah menghafal hadis sekiranya dia meriwayatkan melalui hafalan, serta memelihara kitabnya jika dia bercerita melalui kitabnya.
- c. Sekiranya ahli *al-Hifz*<sup>20</sup> berkongsi meriwayatkan hadis berkenaan, barulah hadisnya boleh diterima sama dengan hadis mereka.
- d. Perawi itu tidak *Mudallis* iaitu perawi yang meriwayatkan hadis melalui orang yang ditemui sedangkan dia tidak mendengar daripadanya, atau meriwayatkan hadis daripada Nabi s.a.w. menyalahi apa yang diriwayatkan oleh para *thiqah*.

Syarat ini mestilah merangkumi semua perawi yang meriwayatkan hadis berkenaan, sehingga sampai kepada Nabi s.a.w. atau orang yang terakhir sebelum Nabi s.a.w.

Syarat Imam al-Shāfi<sup>c</sup>ī di atas merupakan syarat yang dianggap hampir kepada maksud hadis *Ṣaḥīḥ* di sisi Imam al-Turmudhī, kerana ia melengkapi semua syarat hadis *Saḥīḥ* di sisi jumhur ulama.

Dalam menentukan hadis *Saḥīḥ*, Imam al-Turmudhī tidak mensyaratkan berbilang *ṭuruq*.<sup>21</sup> Oleh yang demikian itu kita dapat saksikan di dalam al-Jāmi<sup>c</sup>, bahawa beliau seringkali menta<sup>ṣ</sup>ḥīḥ

sesuatu hadis, sekalipun menerusi *ṭarīq* seorang sahaja. Oleh kerana itu juga beliau tidak mengemukakan tafsiran hadis *Sahīh* sepertimana kata beliau dalam bab *al-Tamattu'* yang bermaksud:

“Qutaybah menceritakan kepada kami daripada Malik bin Anas daripada Ibn Shihāb daripada Muhammad bin ‘Abd Allah bin al-Harith bin Nawfal, sesungguhnya dia pernah mendengar Sa‘d Ibn Abī Waqqās dan Dahhāk bin Qays sedang kedua-duanya menyebut perihal haji tamattu’”. Beliau kemudian menyebutkan hadis itu hingga ke akhirnya... Setelah itu beliau (al-Turmudhī) menegaskan bahawa hadis di atas merupakan hadis Sahīh. Hadis tersebut diriwayatkan oleh Imam Mālik secara berseorangan” (al-Mubārakfuri, t.t, 3. 555).

#### Hadis *Ḥasan* Dalam Kitab Imam al-Turmudhī

Para ulama hadis berselisih pendapat tentang takrif hadis *Ḥasan*. Perselisihan ini berlaku kerana terdapat di kalangan mereka yang berpandangan bahawa apabila disebut hadis *Ḥasan*, maka ia bermaksud *Ḥasan Li Dhātih* seperti Ibn al-Ṣalāh. Ada pula yang memberi maksud *Ḥasan Li Ghayrih* seperti mana definisi Imam al-Turmudhī. Hadis *Ḥasan Li Ghayrih* merupakan hadis yang naik ke tahap darjat hadis *Ḥasan* menerusi sokongan, sebagaimana definisi Imam al-Turmudhī.

Imam al-Turmudhī telah menerokai satu persoalan mengenai hadis *Ḥasan Li Ghayrih*. Beliau menjelaskan maksud hadis *Ḥasan* dalam kitabnya adalah sebagaimana berikut:

“Apa yang kami katakan dalam kitab kami (sebagai) hadis Hasan, bermaksud Isnādnya adalah Hasan, ini pada pendapat kami. Setiap hadis yang diriwayatkan selagi mana isnadnya itu tiada perawi yang disyaki sebagai pendusta, tidak shādh dan diriwayatkan hadis tersebut daripada tariq lain atau seumpamanya, maka di sisi kami hadisnya dianggap Hasan” (al-Hanbali, 1987, 2: 573).

Berdasarkan penjelasan yang dikemukakan oleh Imam al-Turmudhī ini, ternyata hadis *Ḥasan* dapat dibahagikan kepada tiga sifat yang dapat membezakannya dengan yang lain iaitu:

- a. Hendaklah tiada dalam *Isnād* hadis seseorang yang disyaki sebagai pendusta. Justeru bererti terkeluarlah hadis orang yang disyaki sebagai pendusta. Termasuk dalam hadis *Ḥasan* juga hadis yang bersumber daripada perawi yang tidak baik hafalannya atau yang dianggap *Mastūr*<sup>22</sup>

- b. Hadis berkenaan tidak *shādh*, iaitu hadis yang menyalahi riwayat para *thiqah*. Oleh itu ianya disyaratkan dalam hadis *Hasan*, supaya terselamat daripada pertentangan. Apabila hadis tersebut menyalahi hadis para *thiqah*, maka hadis berkenaan akan tertolak.
- c. Hendaklah diriwayatkan melalui pelbagai *ṭuruq* yang setaraf dengannya. Maksudnya hendaklah hadis berkenaan diriwayatkan melalui satu atau lebih *ṭarīq* lain yang seumpama dengannya atau lebih kuat daripadanya, bukan melalui *ṭarīq* yang lebih lemah daripadanya. Hal ini bertujuan supaya hadis tersebut boleh ditarjihkan kepada salah satu daripada dua andaian, tetapi tidak disyaratkan sama lafaznya, bahkan memadai dengan meriwayatkan secara maknanya yang sama, melalui satu cara atau lebih.

Daripada keterangan di atas dirumuskan bahawa Imam al-Turmudhī tidak memberi syarat bersambunganya *Sanad* dalam hadis *Ḥasan*. Justeru, ternyata hadis *al-Munqati'* juga termasuk hadis *Ḥasan* disisi beliau dengan syarat melengkapinya semua syarat lain.

Kesimpulannya, bahawa hadis *Ḥasan Li Ghayrih* merupakan hadis yang memiliki kelemahan yang tidak keterlaluan, sekiranya hadis tersebut memiliki perawi yang *Ḍa'if*, tetapi perawi itu masih boleh diambil *F'tibā'*<sup>23</sup> periwayatannya atau *Mudallis* yang tidak berterusterang mendengar hadis atau *Sanadnya Munqati'*. Meskipun demikian ia hendaklah memenuhi dua syarat di bawah ini:

- a. Hendaklah hadis tersebut tidak *Shādh*.
- b. Hendaklah diriwayatkan menerusi *ṭarīq* lain sekurang-kurangnya yang seumpama dengannya atau lebih kuat daripadanya, sama ada secara lafaz ataupun makna.

Oleh itu apabila Imam al-Turmudhī berkata bahawa hadis ini *Ḥasan*, maka maksudnya ialah takrif hadis *Hasan li Ghayrih* di sisi ahli hadis seperti Ibn al-Ṣalāh dan lainnya.

Antara contoh hadis *Ḥasan Li Ghayrih* dalam kitab al-Jāmi' ialah sebagaimana kata Imam al-Turmudhi yang bermaksud:

°Ali ibn Hujr menceritakan, Hafs ibn Ghiyath menceritakan daripada al-Hajjāj daripada 'Āṭīyyāh daripada Ibn °Umar berkata: "Aku sembahyang Zohor bersama Nabi s.a.w. dalam musafir sebanyak dua rakaat dan selepasnya dua rakaat." Abū °Isā berkata: "Hadis ini Ḥasan dan Ibn Abū Laylā meriwayatkan hadis ini daripada °Aṭīyyah dan Nāfi' daripada Ibn 'Umar." Muḥamad bin °Ubayd al-Muhāribī menceritakan, °Ali ibn Hāshim menceritakan daripada Ibn Abū Laylā daripada °Aṭīyyah dan Nāfi' daripada Ibn °Umar katanya: "Aku



pernah sembahyang bersama Nabi s.a.w. di waktu biasa (mukim) dan musafir. Maka aku pernah sembahyang Zuhur bersama beliau dalam keadaan biasa (mukim) empat rakaat dan selepasnya dua rakaat. Dan aku sembahyang Zuhur bersama beliau di masa musafir sebanyak dua rakaat dan selepasnya dua rakaat ... hingga ke akhir hadis. Abū 'Isā berkata: "Hadis ini Hasan" (al-Mubārakfurī, Tuhfat al-Ahwadhī, Juz. 3, Bāb mā Jā'a fi al-Tatawwu' fi al-Safar, hlm. 119-121, (H.549-550)).

Menerusi *Sanād* pertama dalam hadis di atas terdapat nama al-Ḥajjāj. Beliau ialah Ibn Arṭah. Ibn Ḥajar di dalam *Taqrib al-Tahdhīb* berkata, beliau merupakan seorang yang dipercayai, banyak melakukan kesalahan dan *tadlis* (al-<sup>o</sup>Asqalānī, t.t: 222). Dalam *Isnād* tersebut juga terdapat <sup>o</sup>Aṭīyyah iaitu Ibn Sa'd ibn Junadah al-<sup>o</sup>Awfi. Beliau juga memiliki sifat seperti al-Ḥajjāj dan beliau juga seorang syiah. Kedua-dua riwayat tadi *Da'if*, tetapi kedua-dua mereka tidak tertuduh sebagai pendusta. Imam al-Turmudhī menghukumkan hadis kedua-dua mereka sebagai hadis *Ḥasan*, kerana dikuatkan riwayatnya melalui *ṭarīq* lain. Dalam *ṭarīq* lain itu pula terdapat di dalamnya Ibn Abū Laylā seorang fakih yang agung, tetapi dipertikaikan hafalannya oleh para *muhaddithin*. Oleh itu hadis tersebut di atas dikuatkan dengan wujudnya *ṭarīq* lain tadi. Dari sinilah Imam al-Turmudhī menganggapnya sebagai hadis *Ḥasan*.

#### Al-Jāmi' Sebagai Rujukan Asas Bagi Hadis *Ḥasan*

Usaha al-Turmudhī mengemukakan hadis *Ḥasan* dalam kitab Jāmi'nya ini, membuktikan kejayaan beliau dalam menyusun hadis *Ḥasan* sehingga menjadi rujukan ilmiah para ulama.

Imam Ibn al-Ṣalāh dalam kitab <sup>o</sup>*Ulūm al-Hadīthnya* berkata, "Kitab al-Turmudhī merupakan asal (teras) dalam mengenali hadis *Ḥasan*". Definisi hadis *Ḥasan* yang telah diperbahaskan, meletakkan beliau dalam kedudukan yang tinggi di kalangan para ulama (Ibn al-Ṣalāh, t.th.: 35-36).

#### Hukum Hadis *Ḥasan*

Kita sedia maklum bahawa hadis *Ḥasan* terbahagi kepada dua, iaitu *Ḥasan Li Dhātih* dan *Ḥasan Li Ghayrih*. Para ulama berselisih pendapat berhubung permasalahan hukum hadis *Ḥasan*.

Menurut jumhur ulama, hadis *Ḥasan* sekalipun tidak sekuat hadis *Ṣaḥīḥ*, tetapi ia seumpama hadis *Ṣaḥīḥ* untuk dijadikan sebagai hujah dan wajib beramal dengannya. Sementara menurut pendapat yang lain, hadis *Ḥasan Li Dhātih* sahaja yang boleh dijadikan sebagai hujah

sepertimana hadis *Sahih* dan beramal denganya. Adapun hadis *Ḥasan Li Ghayrih*, sekiranya disokong oleh pelbagai *turuq* barulah layak dijadikan hujah. Sebahagian ulama yang lain pula ada yang memasukkan hadis *Hasan* dalam jenis hadis *Sahih*, kerana menurut mereka hadis *Hasan* dan *Ṣahih* keduanya menjadi hujah, sekalipun hadis *Hasan* tidak sama (martabatnya) dengan hadis *Ṣahih* (Nūr al-Dīn °Itr, 1992: 226, 271).

#### Hadis Hasan Li Dhatih

Hadis *Ḥasan* jenis ini diterima oleh seluruh fukaha untuk dijadikan hujah dan amalan, termasuk juga sebahagian besar ulama hadis dan ulama usul fikah. Hadis ini boleh dijadikan hujah dan wajib beramal dengannya sepertimana hadis *Ṣahih*, sekiranya seseorang perawinya dapat dipastikan daripada tidak berlaku dusta. Oleh sebab itu, terdapat di kalangan ulama yang mengklasifikasikannya di bawah jenis hadis *Ṣahih* kerana ia termasuk dalam kategori hadis-hadis yang boleh dijadikan hujah (Ibn al- Ṣalāh, t.th.: 40).

#### Hadis Hasan Li Ghayrih

Adapun hadis *Ḥasan Li Ghayrih*, sekalipun pada asalnya merupakan hadis *Da'if*, tetapi kelemahannya tertutup dengan kehadiran *ṭariq* lain. Dengan ini hilanglah rasa khuatir yang menyebabkan ia tertolak akibat adanya perawi yang tidak kuat hafalannya atau ianya seorang yang pelupa. Menerusi kemunculan *Ṭariq* lain secara majmuk juga menyebabkan terhasilnya satu kekuatan baru, sehingga melayakkannya untuk dijadikan sebagai hujah hukum syarak seperti mana *Ḥasan Li Dhātih*.

Sekiranya dipersoalkan, bagaimana hadith *Ḥasan li ghayrih* atau *Hasan* yang dimaksudkan oleh Imam al-Turmudhī boleh dijadikan hujah sedangkan kesemua asal *Sanad* hadis berkenaan, seandainya dikemukakan secara bersendirian tidak boleh dijadikan hujah?

Menurut ulama hadis bahawa hadis boleh dijadikan hujah hukum syarak secara keseluruhan *Isnādnya*, iaitu bilamana hadis tersebut terbela dan dikuatkan dengan wujudnya *Isnād* lain dan akhirnya naik menjadi hadis *Hasan*. Agar keterangan di atas lebih jelas lagi, bolehlah kita menqisaskannya dengan hadis *Mursal*. Hadis *Mursal* tidak boleh dijadikan hujah di sisi Imam al-Shāfi'ī, tetapi apabila terdapat *ṭariq* lain secara *bersanad* atau *Mursal* daripada hadis seorang *tābi'ī*, maka hadis tersebut diambil menerusi bukan *Rijāl tābi'ī* yang pertama. Kehadiran *ṭariq* lain sebenarnya berfungsi menguatkan hadis, sehingga hadis

tersebut boleh dijadikan sebagai hujah. Begitulah juga halnya hadis *Ḥasan Li Ghayrih* (Ibn al- Ṣalāh, t.th.: 32-33).

Sebagai perhatian, sukalah diingatkan bahawa kaedah di atas hanya sesuai dengan istilah *Ḥasan* menurut al-Turmudhī. Menurut ulama selain daripada beliau, hadis *Ḥasan* tidak boleh diambil pakai begitu sahaja, tetapi mesti dikaji dengan teliti terlebih dahulu sebelum mengamalkannya, sebagaimana yang disebutkan oleh al-Sakhāwī dalam *Fatḥ al-Mughīth*, bahawa sekiranya benar-benar sabit berlaku khilaf ulama dalam menyebut hukum hadis, maka janganlah kata-kata mereka terus dijadikan hujah, tetapi hendaklah diteliti terlebih dahulu. Apabila hadis tersebut bertepatan dengan *Ḥasan Li Dhātih*, maka boleh dijadikan sebagai hujah. Namun sekiranya bertepatan dengan hadis *Ḥasan Li Ghayrih*, maka hendaklah diteliti di kalangan *ṭuruq* lain sehingga boleh dijadikan hujah. Jika tiada, maka tidak boleh dijadikan hujah (al-Sakhāwī, Shams al-Dīn Muḥammad bin °Abd al-Raḥmān bin Muḥammad, 1303H: 27).

Maksud Kata-Kata al-Turmudhī "أَصْحُ شَيْءٍ فِي الْبَابِ أَوْ أَحْسَنُ"

Ungkapan seperti di atas sering ditemui dalam kitab *Jāmi' al-Turmudhī* seperti kata beliau:

أَصْحُ شَيْءٍ فِي الْبَابِ أَوْ أَحْسَنُ شَيْءٍ فِي الْبَابِ كَذَا  
 حَدِيثُ فَلَانٍ أَصْحُ مِنْ حَدِيثِ فَلَانٍ أَوْ فَلَانٍ

Bagi mengelakkan salah guna ungkapan di atas, maka sebaiknya diketahui terlebih dahulu maksudnya, sama ada ia merupakan hukum kepada hadis *Ṣaḥīh*, *Ḥasan* atau sebaliknya.

Imam al-Nawawī menyebutkan dalam *al-Adhkār* bahawa tidak semestinya ungkapan di atas menunjukkan kesahihan hadis. Beliau mengulas lagi bahawa yang dikehendaki dengan ungkapan *هذا أصح ما جاء في الباب وإن كان ضعيفا* ialah yang paling baik atau yang paling kurang *kedā'ifannya* (al-Suyūṭī, 1959: 39).

Keterangan di atas menunjukkan bahawa ungkapan tersebut bertujuan melebihkan sesuatu riwayat daripada riwayat yang lain, serta menjelaskan kedudukan yang lebih baik di antara keduanya, sama ada hadis tersebut *Ṣaḥīh* ataupun sebaliknya.

Contohnya dalam *bab al-nahy °an al-bawl qā'iman* (باب النهي عن البول قائما) iaitu "Bab Buang Air Kecil Berdiri". Disebutkan dalam hadis daripada °A'ishah r.a. yang bermaksud:

"Sesiapa yang menceritakan kepada kamu bahawa Nabī s.a.w. buang air kecil secara berdiri, maka janganlah kamu membenarkan kata-katanya..." (al-Mubarakfuri, t.th, 1: 66).

Hadis ini dikemukakan oleh al-Turmudhī menerusi riwayat Sharik, kemudian beliau berkata: “*Hadis yang sehubungan dengan bab ini juga diriwayatkan daripada ‘Umar dan Buraydah r.a..*” Kemudian beliau menyebutkan bahawa hadis ‘Ā’ishah r.a. terbaik dalam bab ini dan lebih *Ṣahīh*. Beliau juga menerangkan kedudukan hadis-hadis tersebut dan pada akhirnya *mentaḍ’ifkan* hadis berkenaan menerusi kedua-duanya.

Hadis Ṣharik yang dinyatakan sebagai hadis yang terbaik dalam bab tersebut sebenarnya adalah hadis *Ḍa’if*, kerana Ṣharik bin ‘Abd Allāh al-Nakhā’i dianggap lemah kerana kesilapan dan berubah hafalannya sejak menjadi qadi Kufah. Begitulah seterusnya hadis-hadis yang terkandung dalam bab tersebut semuanya *Ḍa’if*.

Ulasan kepada ungkapan yang diutarakan oleh Imam al-Turmudhī di atas menunjukkan bahawa hadis lebih ‘Ā’ishah r.a. rendah *keḍa’ifannya* dan lebih rajih berbanding hadis lain yang terdapat dalam bab tersebut.

#### Hadis *Gharīb* Dalam Jāmi’ al-Turmudhī

Imam al-Turmudhī menerangkan makna hadis *Gharīb* berserta contoh-contohnya sekali. Beliau berkata, “Apa yang kami sebut dalam kitab ini sebagai hadis *Gharīb*, maka sesungguhnya ahli hadis menganggap *Gharīb* sesebuah hadis kerana beberapa makna: Hadis menjadi *Gharīb* kerana tidak diriwayatkan kecuali menerusi satu Sanad” (al-Mubārakfurī, t.th, 10: 519-522).

Beliau juga berkata, “Boleh jadi hadis menjadi *Gharīb* kerana tambahan yang terdapat pada hadis tersebut (al-Mubārakfurī, t.th, 10: 524).

Beliau pula menambahkan, “Boleh jadi hadis yang diriwayatkan menerusi pelbagai wajah (*Sanad*) hanya menjadi *Gharīb* kerana perihal *Isnādnya* (al-Mubārakfurī, t.th, 10: 525).

Ciri-ciri yang dikemukakan di atas sinonim dengan definisi hadis *Gharīb* di sisi para ulama lain (al-Qāsimi, 1978: 125 & Nur al-Din ‘Itr, 1992: 164).

Melalui kajian di atas diketahui bahawa takrif hadis *Gharīb* yang dikemukakan oleh al-Turmudhī menepati takrifan hadis *Gḥārīb* di sisi para ulama.

#### Pembahagian Hadis *Gharīb* di Sisi Imam al-Turmudhī

Hadis *Gharīb* terbahagi kepada dua bahagian; pertama, *Gharīb Matan* dan *Isnād*. Kedua, *Gharīb Isnād* dan bukan pada *matan*.

### Gharīb Matan Dan Isnād

*Gharīb Matan* dan *Isnād* ialah hadis yang diriwayatkan matannya oleh seorang perawi secara bersendirian dan tidak diriwayatkan oleh selainnya (Ibn al-Ṣalāh, t.th: 271).

Imam al-Turmudhī menyifatkan hadis yang berbentuk seperti ini sebagai hadis yang tidak diriwayatkan melainkan menerusi satu *Sanad* sahaja. Termasuk juga dalam sifat di atas ialah hadis yang diriwayatkan secara bersendirian pada *matan*. Ibn Ḥajar menamakan jenis ini sebagai *al-Fard al-Muṭlaq* ( Dr. Mahmūd al-Tahhān, 1985: 28).

Imam al-Turmudhī memberi dua contoh dalam kitab *ʿIlalnya* tentang jenis *Gharīb Matan* dan *Isnād*. Menurut Ibn Rajab ia merupakan dua jenis (al-Ḥanbāli, 1987, 2: 627-629).

- a. Hendaklah *Isnād* tertentu itu tidak meriwayatkan kecuali hadis tertentu juga. Contohnya, hadis Ḥammād ibn Salamah daripada Abū al-ʿUsharā' secara bersendirian dan hadis riwayat Abū al-ʿUsharā' tidak diketahuinya daripada bapanya melainkan hadis ini. Sekalipun ianya masyhur di kalangan para ulama, tetapi ia masyhur menerusi hadis Ḥammād ibn Salamah tidak diketahui kecuali menerusi hadisnya.
- b. Hendaklah *Sanad* hadis tersebut masyhur, sehingga diriwayatkan dalam banyak hadis, tetapi riwayat yang menggunakan matan berkenaan tidak *Ṣaḥīḥ* riwayatnya melainkan menggunakan *Sanad* tersebut, misalnya hadis ʿAbd Allah di bawah ini:

"حديث عبد الله بن دينار عن ابن عمر أن رسول الله صلى الله عليه وسلم هي  
عن بيع الولاء وعن هنته."

Hadis di atas ini tidak diketahui kecuali menerusi *Sanad* ini, iaitu daripada ʿAbd Allah bin Dinār daripada Ibn ʿUmar r.a. Sementara sesiapa yang meriwayatkan hadis di atas menerusi selain daripadanya, sudah pasti tersalah sebagaimana yang diterangkan oleh al-Turmudhī dalam kitab *ʿIlalnya*.

### Hukum Hadis *Gharīb* Pada Matan Dan Sanad

Hadis *Gharīb* atau perawi yang berseorangan meriwayatkan hadis, masih boleh dihukum sebagai hadis *Ṣaḥīḥ* sekiranya melengkapinya syarat-syarat hadis *Ṣaḥīḥ*. Mengikut Nūr al-Dīn ʿItr (1992: 401-402) hadis *Gharīb* dibahagikan kepada tiga bahagian, dari sudut diterima dan ditolak seperti di bawah ini:

- a. *Gharīb Ṣaḥīḥ*: hadis jenis ini melengkapinya semua syarat *Ṣaḥīḥ* seperti hadis:

..... إنما الأعمال بالنيات

Para ulama menerima hadis-hadis sebegini serta mengamalkannya. Ungkapan yang digunakan dalam *Jāmi' al-Turmudhī* ialah *Ṣaḥīḥ* (lagi) *Gharīb* صحيح غريب.

- b. *Gharīb Ḥasan*, iaitu hadis yang melengkapinya syarat-syarat hadis *Ṣaḥīḥ* tetapi darjat ke $\bar{d}$ abitan perawinya kurang, sebagaimana telah diterangkan dalam hadis *Ḥasan* sebelum ini. Hadis-hadis jenis kedua ini banyak sekali terdapat dalam *Jāmi' al-Turmudhī* dan ungkapan yang digunakan oleh beliau ialah *Ḥasan* (lagi) *Gharīb*. (حسن غريب لانعرفه إلا من هذا الوجه).
- c. *Gharīb Da'if* iaitu hadis yang tidak melengkapinya syarat-syarat hadis *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan*. Jenis ketiga ini merupakan jenis terbanyak dan acapkali ditemui dalam hadis-hadis yang berbentuk *Gharīb*, kerana perawi yang berseorangan sahaja meriwayatkan hadis, dikhuatiri melakukan kesilapan. Oleh kerana banyak aspek ke $\bar{d}$ a'ifan wujud dalam hadis-hadis *Gharīb* dan banyak mengandungi kecacatan yang halus dan merumitkan, maka para ulama memberi peringatan dan melarang untuk meriwayatkan hadisnya. Terdapat juga sesetengah ulama menamakan hadis *Gharīb* sebagai hadis *Munkar* (al-Ḥanbalī, 1987, 2: 621-627).

Imam al-Turmudhī menjelaskan dalam *Jāmi'*nya bahagian *Gharīb* yang *Da'if* di atas, seperti katanya yang bermaksud, “Ini adalah hadis *Gharīb*”, atau “Hadis ini *Gharīb*, tidak kami mengetahuinya melainkan menerusi wajah ini (sanad ini)”, atau “*Gharīb*, tidak kami mengetahuinya kecuali daripada hadis fulan”.

Apabila hadis tergolong dalam martabat *Ṣaḥīḥ* atau *Ḥasan*, maka beliau menghubungkannya dengan keterangan *al-Gharābah* jika ia dari jenis hadis *Gharīb*. Hadis Abū al- $\bar{U}$ sharā' yang telah lalu dikatakan oleh al-Turmudhī sebagai hadis *Gharīb*. Beliau berkata, Kami tidak mengetahui hadis ini kecuali menerusi hadis Ḥammād bin Salamah dan kami tidak mengetahui hadis daripada Abū al- $\bar{U}$ sharā' daripada bapanya kecuali hadis ini (al-Mubārakfurī, t.th, 5: 56-57).

#### *Gharīb* Pada Sanad Dan Tidak Pada Matan

Hadis yang *Gharīb* pada Sanad dan tidak pada matan adalah jenis hadis sebagaimana yang disebut oleh al-Turmudhī sebagai hadis yang

diriwayatkan menerusi pelbagai wajah (jama'ah di kalangan sahabat) tetapi dianggap *Gharib* kerana perihal Sanadnya.

Justeru bermaksud bahawa perawi yang meriwayatkan hadis tertentu secara berseorangan, iaitu daripada seseorang yang tidak pernah orang lain meriwayatkan daripadanya. Hadis jenis ini dianggap sebagai *Gharib* dari sudut *Sanad*, sedangkan matannya masyhur kerana ada riwayatnya menerusi *ṭariq* lain. Ibn Hajar menamakan jenis ini sebagai *al-Fard al-Nisbi*, kerana ia menjadi *tafarrud* (tunggal) dengan menisbahkan kepada orang tertentu (Dr. Mahmūd al-Tahhān, 1985: 29-30).

*Gharib* jenis di atas dibahagikan kepada dua bahagian: *Pertama*, hadis itu *ma'rūf* daripada riwayat seorang sahabat atau lebih menerusi satu *ṭariq* atau berbilang-bilang *ṭuruq* yang terkenal. Kemudian diriwayatkan daripada sahabat lain menerusi satu saluran (*sanad*) yang dianggap *Gharib* daripadanya, jika tidak diketahui hadisnya kecuali menerusi *Sanad* tersebut seperti hadis Abū Musa al-Ash'arī daripada Nabi s.a.w.:

الكافر يأكل في سعة أمعاء والمؤمن يأكل في معى واحد

(al-Ḥanbalī, *Sharḥ 'ilal al-Turmudhī*, juz. 2, hlm. 645-646; Lihat juga al-Mubārakfurī, *Tuhfah al-aḥwadhī*, Juz. 10, hlm. 525)

Al-Hāfiẓ Ibn Rajab al-Ḥanbalī menerangkan bahawa matan hadis di atas masyhur daripada Nabi s.a.w. melalui pelbagai *ṭariq*. Katanya lagi, Imam al-Bukhārī dan Muslim mengemukakan hadis di atas dalam *Ṣaḥīḥ*nya menerusi hadis Abū Hurayrah r.a dan Ibn 'Umar r.a. daripada Nabi s.a.w. Hadis daripada Abu Musa r.a di atas dikemukakan oleh Muslim menerusi Abū Kurayb r.a. Hadis melalui *ṭariq* ini dianggap *Gharib* oleh ramai ulama. Mereka menyebutkan bahawa Abū Kurayb bersendirian meriwayatkannya. Antara mereka yang mengatakan demikian ialah Imam al-Bukhārī dan Abū Zur'ah (al-Ḥanbalī, 1987, 2: 645-646).

Menerusi keterangan di atas terbukti bahawa hadis Abū Kurayb ini dianggap sebagai *Gharib Sanad*nya sahaja sementara keadaan matannya dianggap masyhur serta tidak terdapat keghariban padanya.

Kedua, hendaklah hadis tertentu yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. itu *Ma'rūf* daripada riwayat seorang sahabat menerusi satu atau beberapa *ṭuruq*, kemudian diriwayatkan daripada sahabat tersebut menerusi *ṭariq* lain yang *Gharib* daripada *ṭariq* tersebut. Misalnya hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Turmudhī daripada gurunya yang bernama 'Abd Allah ibn 'Abd al-Raḥmān al-Dārimi, katanya:

Marwān menceritakan daripada Mu<sup>ʿ</sup>awiyah ibn Salam daripada Yahya ibn Abū Kathīr daripada Abū Sa<sup>ʿ</sup>id daripada Ḥamzah ibn Safīnah daripada al-Sā'ib, beliau mendengar daripada 'Ā'ishah r.a daripada Nabi s.a.w. bersabda:

من تبع جنازة فله قيراط

(al-Mubārakfurī, t.th, 10: 528)

Hadis ini diriwayatkan menerusi pelbagai *ṭuruq* daripada 'Ā'ishah r.a bahawasanya beliau menyetujui Abū Hurayrah r.a tentang hadis yang dibicarakannya daripada Nabi s.a.w. Adapun hadis al-Sā'ib bin Yazīd daripada 'Ā'ishah r.a tidak diketahui (dikenali) kecuali menerusi *ṭariq* ini daripada riwayat 'Abd Allah bin 'Abd al-Raḥmān al-Dārimi yang merupakan guru Imam al-Turmudhī. Kemudian beliau berkata:

“Aku (Imam al-Turmudhī) berkata kepada Abu Muḥammad 'Abd Allah bin 'Abd al-Raḥmān: Apakah ia termasuk hadis Gharīb daripada hadis-hadismu di Iraq? Jawab beliau: Hadis al-Sā'ib daripada 'Ā'ishah daripada Nabi s.a.w., kemudian dia pun menyebutkan hadis ini. Dan aku (al-Turmudhī) mendengar Muḥammad bin Isma'īl meriwayatkan hadis ini menerusi 'Abd Allah bin 'Abd al-Raḥmān (al-Mubārakfurī, t.th, 10: 528).

#### Hukum Hadis *Gharīb* Pada *Sanad* Dan Tidak Pada Matan

Hadis jenis ini hendaklah diperhati terlebih dahulu pada *Sanad-Sanadnya*. Sekiranya *Sanadnya* benar-benar *Ṣaḥīḥ* menerusi sebahagian *tariq-tariq* tertentu yang terdapat di dalamnya dari sudut keseluruhan syarat-syarat hadis *Ṣaḥīḥ*, maka ia dianggap sebagai *Ṣaḥīḥ* yang boleh diterima dan tidak memudaratkan pada sebahagian *Sanad* lain yang *Da'if* kerana yang dipegang ialah yang *Ṣaḥīḥ*. Justeru hadis *Da'if* tidak mencatitkan hadis *Ṣaḥīḥ*. Hadis yang berbentuk di atas dikenali melalui ungkapan-ungkapan Imam al-Turmudhī di bawah ini.

Maksudnya:

Gharīb menerusi *ṭariq* ini

atau,

غَرِيبٌ مِنْ حَدِيثِ فُلَانٍ

Maksudnya:

“Gharīb menerusi hadis si fulan”.

atau,



هَذَا حَدِيثٌ عَرَبِيٌّ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ مِنْ حَدِيثِ فُلَانٍ

Maksudnya:

"Hadis ini ghārib menerusi tarīq ini daripada hadis si fulan".

Jenis *Gharīb* juga adakalanya dihubungkan dengan martabat hadis *Hasan* atau hadis *Ṣaḥīḥ* seperti yang telah dijelaskan sebelum ini (Dr. Nūr al-Dīn 'Itr, 1988: 168).

#### Gabungan Hadis *Ṣaḥīḥ* Atau Hadis *Hasan* Dengan Istilah Lain

Dalam mengungkapkan hukum-hukum martabat hadis, Imam al-Turmudhī sering merangkumkan dalam satu ungkapan antara hadis *Ṣaḥīḥ* dan *Hasan* dan juga selain keduanya, seperti ungkapan *Ṣaḥīḥ* (lagi) *Gharīb*, *Hasan* (lagi) *Gharīb* dan *Hasan* (lagi) *Ṣaḥīḥ* (lagi) *Gharīb*. Imam al-Turmudhī menjelaskan kedudukan hadis *Hasan* dan hadis *Gharīb*, tetapi beliau tidak menerangkan makna ungkapan-ungkapan di atas.

Terdapat di kalangan ulama yang berpandangan bahawa beliau tidak menerangkan makna-makna tersebut kerana dianggapnya masyhur di kalangan ulama hadis. Pendapat ini sebenarnya tidak tepat, kerana didapati berlaku khilaf ulama terhadap sesetengah gabungan istilah ungkapan tersebut. Sebagai ringkasan, di bawah ini dinyatakan pendapat yang dianggap terbaik (Dr. Nur al-Din 'Itr, 1992: 271-272).

##### a. *Ṣaḥīḥ* (Lagi) *Gharīb*

*Ṣaḥīḥ* (lagi) *Gharīb* bermaksud hadis tersebut terkumpul di antara *Ṣaḥīḥ* dan *Gharīb* (seorang sahaja perawi yang meriwayatkan hadis tersebut). Hadis *Gharīb* pula terkadang *Ṣaḥīḥ*, *Hasan* dan *Dā'if*.

##### b. *Hasan* (lagi) *Saḥīḥ*

*Hasan* (lagi) *Ṣaḥīḥ* bermaksud bahawa *Sanad-Sanad* hadis ditemui berbilang-bilang hingga mencapai darjat *Ṣaḥīḥ*. Lafaz *Hasan* dihimpunkan dengan lafaz *Ṣaḥīḥ* bertujuan untuk menerangkan hadis tersebut terkeluar daripada hadis *Gharīb*.

##### c. *Hasan* (Lagi) *Gharīb*

Imam al-Turmudhī menggabungkan dua lafaz *Hasan* (Lagi) *Gharīb* ini sekiranya terdapat *Gharīb* pada *Sanad* dan matan, iaitu hadis yang tidak diriwayatkan melainkan dengan satu *Sanad*. Justeru ini menunjukkan hadis tersebut merupakan hadis *Hasan Li Dhātih*. Hadis ini dihukumkan demikian kerana terdapat bukti-bukti yang

memperkuat maknanya. Sekiranya hadis itu *Gharīb* pada *Sanadnya* sahaja dan masyhur menerusi pelbagai-bagai *ṭarīq*, kemudian datang pula menerusi *ṭarīq* yang tidak masyhur, maka hadis ini dianggap hadis *Ḥasan* oleh al-Turmudhī, kerana hadis tersebut dibenarkan atau diperakui menerusi pelbagai *ṭuruq*.

#### Hadis *Ḥasan* (lagi) *Sahīh* (lagi) *Gharīb*

Imam al-Turmudhī menggabungkan ketiga-tiga istilah ini di dalam kitabnya al-Jāmi<sup>c</sup>. Sekiranya hadis tertentu itu *Gharīb* pada *Sanad* sahaja, maka maksudnya sepertimana dalam gabungan ungkapan *Ḥasan Sahīh* di atas, tetapi dalam *Isnād* hadis tertentu ini terdapat perawi yang berseorangan daripada apa yang terdapat dalam *Sanad* masyhur yang lain. Sekiranya *Gharīb* pada *Sanad* dan matan maka tujuan menyebut *Ḥasan* dalam ungkapan di atas ialah untuk menunjukkan bahawa terdapat sesuatu yang menepati makna hadis.

### KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya Jāmi<sup>c</sup> al-Turmudhī memiliki istilah-istilah hadis tersendiri. Dengan kewibawaan ilmunya, al-Turmudhī berani mencipta istilah-istilah yang belum pernah wujud sebelumnya. Ketokohan beliau menjadikan Jāmi<sup>c</sup> al-Turmudhī sebagai rujukan utama ulama-ulama hadis. Menerusi kajian ini terbukti bahawa beliau mengkategorikan hadis kepada tiga jenis iaitu *Ṣahīh*, *Ḥasan* dan *Ḍaʿīf*. Oleh yang demikian, beliau masih berpegang dengan asas yang utuh, yang telah digariskan oleh jumhur *muḥaddithīn* dalam menentukan hadis *Ṣahīh*.

Di samping itu beliau telah mencipta jenis dan istilah hadis tersendiri dari aspek *Sanad* dan matannya. Perkara ini dilakukan bagi menggambarkan kedudukan sebenar hadis yang disusun dalam kitab Jāmi<sup>c</sup> nya seperti *Ḥasan*, *Gharīb*, *Ḥasan* (lagi) *Sahīh* (lagi) *Gharīb*, *Gharīb Sahīh*, *Gharīb Ḥasan*, *Gharīb Ḍaʿīf* dan sebagainya sebagaimana yang telah dibincangkan di atas.

### NOTA Hujung

1. Al-Jāmi<sup>c</sup> maksudnya sebuah kitab yang mencakup aspek sejarah, adab, tafsir, aqidah, permasalahan fitnah, hukum hakam, tentang hari kiyamat dan tentang sifat dan kebaikan (al-manaqib) (Nūr al-Din Itr, hlm. 198-199)
2. Boleh juga dibaca dengan al-Tirmidhī dan al-Tarmidhī. Lihat Ahamad Asmadi Sakat; "Metodologi Imam al-Turmudhī Dalam Kitab Sunannya (

- Jāmi'nya) : Kajian Perbandingan Dengan Metodologi Sunan Ibn Mājah," Tesis M.A Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998M. hlm. 1-2.
3. Hadis *Sahih* adalah hadis yang melengkapi syarat-syarat hadis sahih yang lima, yaitu bersambungannya *Sanad*, memiliki *Dābit* dari sudut hafalan dan tulisan, adil (Islam, baligh, berakal, tidak fasik dan tidak melakukan dosa kecil secara berterusan), tidak ada *shādh* dan illat (pada matan dan *Sanad*).
  4. Hadis *Hasan* adalah hadis yang melengkapi syarat hadis *Sahih*, tetapi kurang kedabitan berbanding hadis *Sahih*.
  5. Hadis *al-Da'if* ialah setiap hadis yang tidak melengkapi syarat-syarat hadis *Hasan* dan *Sahih* yang lima.
  6. *ʿIlal al-Hadīth* adalah kecacatan halus yang terdapat di dalam *Sanad* atau matan yang hanya dapat dijejak dan dirungkai oleh pakar hadis. Hadis yang mengandungi *ʿillah* pada zahirnya sahih.
  7. *Al-Mu'allal* hadis yang terdapat satu kecacatan yang mencatitkan kesahihannya sedangkan pada zahirnya selamat dari kecacatan tersebut.
  8. *al-Gharib* terbahagi dua. Pertama *Al-Gharib al-Mutlaq* hadis yang didapati pada awal lapisan *sanadnya* seorang perawi sahaja. Kedua *Al-Gharib al-Nisbi* hadis yang didapati pada pertengahan lapisan *sanadnya* seorang perawi sahaja.
  9. Hadis *al-Mursal* di sisi Imam al-Turmudhī sama dengan *mursal al-Tābiʿin* dan juga *hadis al-Munqatiʿ*. *Mursal al-Tābiʿin* begitu terkenal di sisi ahli hadis dianggap sebagai *mursal* iaitu hadis yang disandarkan kepada tābiʿi kepada Nabī s.a.w dan tidak disebut perantaraan sama ada tābiʿi itu kecil atau besar. Lihat Nur al-Dīn ʿItr, *al-Imām al-Turmudhī wa al-Muwāzanah bayn Jāmiʿih wa bayn Sahīhayn*, hlm. 182.
  10. *Hadis al-Munqatiʿ* iaitu hadis yang jatuh daripada *Sanadnya* seorang perawi yang bukan sahabat, menurut pendapat yang terkenal. Hadis yang *munqatiʿ* dalam kitab *Jamiʿ al-Turmudhī* dikenali dengan *ʿibarah* yang berbeza-beza. Kadang-kadang dikatakan sebagai *mursal* dan kadang-kadang pula menggunakan *ʿibarah* yang sama dengan ahli hadis iaitu *al-Munqatiʿ*. Walau bagaimanapun *ʿibarah* yang sering digunakan oleh Imam al-Turmudhī menunjukkan *isnadnya* tidak *muttasil*. Lihat Ibid., hlm. 183.
  11. *Al-Mudtarib* adalah hadis yang diriwayatkan menerusi perbagai *Sanad* berbeza-beza yang sama dalam segi kekuatan. Lihat Dr. Mahmūd al-Ṭahhān, *Taysīr muṣṭalah al-hadīth*, hlm. 112
  12. *Al-Shādh*, adalah hadis yang diriwayatkan oleh seorang *thiqah* tetapi bercanggah dengan orang yang lebih *thiqah* daripadanya. Lihat ibid. hlm.96
  13. *Al-Mahfūz* adalah hadis yang diriwayatkan oleh orang yang lebih *thiqah* tetapi bercanggah dengan orang *thiqah*. Lihat, ibid. hlm. 119
  14. *Al-Munkar* adalah mana-mana hadis yang diriwayatkan oleh seorang yang *da'if* dan bercanggah pula dengan periwatyan para *thiqah*. Lihat ibid. hlm.95
  15. *Hadis al-Maʿruf* ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang yang *thiqah* menyalahi hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang *da'if*. Lihat ibid. hlm. 98.

16. *Hadis al-Mudallas* ialah Penyembunyian keaiban pada *al-Isnād* dan keelokan bagi zahir *al-Isnād*. Lihat Ibid., hlm. 79.
17. *Hadis al-Mawqūf* ialah apa-apa yang disandarkan kepada sahabat dari sudut kata-kata, perbuatan atau pengakuan. Lihat Ibid., 130.
18. *Hadis al-Maqtū* ialah sesuatu yang disandarkan kepada *tābi'i* atau selainnya dari sudut perkataan atau perbuatan. Ibid., hlm. 133.
19. *Thiqah* adalah orang yang *dabiṭ* dan *'ādil*.
20. *al-Hifz* adalah berkeupayaan mengeluarkan hadis, mengambil istinbat dan lain-lain.
21. *Turuq kata jama'* kepada *tariq* maksudnya ialah *Sanad* atau *Isnād*, manakala *Isnād* atau *Sanad* bermaksud rangkaian perawi dan lafaz-lafaz yang digunakannya untuk sampai kepada matan.
22. *al-Mastūr* ialah orang yang tidak dapat dinukilkan satu nas sebagai bukti, sama ada *jarḥ* atau *ta'dil*, atau terdapat percanggahan dalam menentukan *jarḥ* dan *ta'dilnya* yang tidak *ditarjih* atau perawi itu *mudallis* yang meriwayatkan secara *'an'an*.
23. *Al-I'tibār* ialah Teknik atau kerja menjejaki, membahas dan menyelidiki kewujudan *al-Tābi'* atau *al-Shāhid* bagi sesuatu hadis, sama ada sahih atau tidak.

#### RUJUKAN

- al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Ahmad bin Othmān. t.t. *Tadhkirat al-Huffāz*. Bayrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ḥanbalī Ibn Rajab. 1987. *Sharḥ 'ilal al-Turmudhī* Tahqīq Dr. Ḥammām 'Abd al-Rahīm Sa'id. Jordan: Maktabah al-Manār.
- al-Maqdisī, Abū al-Faḍl Muḥammad bin Ṭāhir. 1957. *Shurūṭ al-A'imma al-Sittah*, Mesir: Maktabah al-Qudsī.
- al-Mubārakfurī, Muḥammad 'Abd al-Rahmān bin 'Abd al-Rahīm. t.th. *Tuhfat al-Aḥwadhī*, Tahqīq 'Abd al-Wahhāb bin 'Abd al-Laṭīf. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- al-Qāsimī, Muḥammad Jamal al-Dīn. 1978. *Qawā'id al-Taḥdīth Min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Bayrut: Dār al-Kutub al-Islamiyyah, cetakan 1
- al-Sakhāwī, Shams al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad. 1303H. *Fath al-Mughīth Sharḥ Alfīyah al-Ḥadīth li al-'Irāqī*. India: t.pt.
- Ibnu al-Ṣalāḥ, Abu 'Amru 'Uthmān. t.th. *'Ulūm al-Ḥadīth* Tahqīq Nūr al-Dīn 'Itr. Dimashq: Dār al-Fikr
- al-Shāfi'i, Muḥammad bin Idrīs, 1358H. *al-Risālah*, al-Qāhirah: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī.
- al-Suyūṭī, 'Abu al-Faḍl Jalal al-Dīn bin Abd al-Rahmān. 1959. *Tadrīb al-Rāwī*. Tahqīq: 'Abd al-Wahhāb bin 'Abd al-Laṭīf. Mesir: Maktabah al-Qāhirah.
- al-Ṭahhān, Maḥmūd bin Aḥmad. 1985. *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'rīfah, Cetakan 7
- 'Itr, Nūr al-Dīn, 1985. *Manhaj al-Naqd Fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. Siriyār: Dār al-Fikr.

\_\_\_\_\_.1988. *al-Imām al-Turmudhī Wa al-Muwazanah Baynā Jami'ihī Wa Bayna Sahīḥayn*. Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah, Cetakan 2

Ahamad Asmadi Sakat  
Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.

